

# **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YBHG. PROFESOR DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR  
NAIB CANSOLOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**Diwakili oleh;**

**XXXXX**

**SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN**

**BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN PERINGKAT UiTM 2023**

**&**

**PELANCARAN**

**BUKU GARIS PANDUAN PERLAKSANAAN AKRAB UiTM 1.0**

**05 OKTOBER 2023 | KHAMIS | 08.30 PAGI**

**DEWAN MAWAR QASEH, KOLEJ KEDIAMAN MAWAR**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**Terima kasih Pengerusi Majlis.**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**[SALUTASI-kemas kini berdasarkan kehadiran]**

Yang Berusaha,

1. Profesor Dr. Hj. Mohd Sazili Shahibi  
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar
  
2. Tuan Haji Muhamad Nizam Noordin  
Pendaftar UiTM
  
3. Profesor Madya Dr. Shabsuzan Zakaria,  
Pengarah Pembangunan Pelajar
  
4. Puan Wan Noraini Wan Yusoff,  
Pengarah Pusat Kerjaya & Kaunseling  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar
  
5. Pengarah-pengarah, Ketua-ketua Bahagian, Semua pegawai  
dan staf barisan jawatan kuasa program Pusat Kerjaya dan  
Kaunseling, Bahagian Hal Ehwal Pelajar;
  
6. Serta yang saya hormati, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah SWT, kerana dengan Izin-Nya dapat kita berkumpul dalam **Majlis Perasmian Bulan Kaunseling Kebangsaan Peringkat Universiti Teknologi MARA 2023** dan **Pelancaran Buku Garis Panduan Pelaksanaan Akrab UiTM 1.0.**

2. Pada hari ini, saya mewakili Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Hajah Roziah Mohd Janor, Naib Canselor UiTM, mengalu-alukan kehadiran para hadirin ke majlis yang berbahagia ini.

3. Beliau amat berbesar hati serta menzahirkan rasa gembira dan terima kasih kepada Pusat Kerjaya dan Kaunseling atas penganjuran program dan sambutan ini.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,**

4. Isu atau masalah kesihatan mental serta tekanan emosi antara isu kesihatan awam yang menjadi semakin penting terutamanya selepas pandemik COVID-19. Hal ini dibuktikan apabila masalah kesihatan mental menunjukkan trend peningkatan.

5. Berdasarkan laporan Berita Harian, pada 10 Oktober 10 2022), berlaku peningkatan statistik individu yang mendapatkan sokongan menerusi Talian Bantuan Perkhidmatan Sokongan Psikososial iaitu inisiatif di bawah Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan, KKM meningkat lima kali ganda bagi tahun 2022 berbanding tahun 2020.

6. Corak peningkatan panggilan yang mendadak dalam kalangan rakyat Malaysia ini agak membimbangkan. Isu

kesihatan mental yang kini melibatkan pelbagai lapisan masyarakat merangkumi semua domain iaitu biological, psikologikal, sosial dan spiritual yang mana usaha untuk mengesan, mencegah dan bertindak balas perlu dilaksanakan secara serius.

7. Daripada 9 teras Dasar Keselamatan Negara 2021-2025, isu kesihatan mental ini merujuk kepada Teras yang ke-8 iaitu Keselamatan Rakyat dan salah satu daripada 153 item dalam Matriks Keselamatan Negara adalah Pengukuhan Kesihatan Minda dan Ketahanan Rakyat. (Laman Web Rasmi MKN)

8. Justeru keperluan perkhidmatan kaunseling sangat relevan sebagai medium untuk masyarakat mendapatkan bantuan dan sokongan. Malah kita sangat beruntung kerana mempunyai seramai 72 Kaunselor Berdaftar dan terlatih di UiTM Seluruh Sistem, bagi membantu menangani isu ini.

9. Syabas saya ucapka kepada Pusat Kerjaya dan Kaunseling kerana telah berjaya menganjurkan pelbagai program sempena sambutan Bulan Kaunseling Kebangsaan Peringkat UiTM 2023 dengan tema **“Minda Madani Masyarakat Harmoni”**. Penganjuran program ini sebagai satu kaedah advokasi secara berterusan untuk meningkatnya pengetahuan warga UiTM khususnya terhadap kepentingan dan faedah perkhidmatan kaunseling dalam berhadapan isu kesihatan mental dan kesejahteraan sendiri.

10. Sebagaimana yang dapat kita lihat dalam tayangan montaj sebentar tadi, sebanyak 76 program dan aktiviti telah dirancang oleh kaunselor UiTM Seluruh Sistem untuk dilaksanakan sepanjang bulan Oktober 2023. Saya yakin, semua ini dilakukan untuk membantu warga UiTM khususnya agar lebih cakna dengan keperluan mendapatkan bantuan awal dalam menangani isu kesihatan mental dan emosi.

**Hadirin sekalian,**

11. Majlis Sumber Manusia Bilangan 70, Tahun 2022 telah bersetuju meluluskan cadangan penerimaan pakai **Garis Panduan Pelaksanaan AKRAB** di UiTM berkuatkuasa 1 Januari 2023. Penyediaan buku garis panduan pelaksanaan AKRAB ini ialah salah satu inisiatif Pusat Kerjaya dan Kaunseling bagi menyediakan panduan serta meningkatkan kompetensi Ahli AKRAB dalam melaksanakan peranan mereka sebagai pembimbing rakan sekerja di UiTM seluruh sistem.

12. Salah satu daripada 5 tujuan garis panduan buku ini disediakan sebagai rujukan utama dalam membantu AKRAB UiTM melaksanakan tugas dan fungsi sebagai Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam di PTJ masing-masing.

13. Dengan adanya AKRAB UiTM, saya yakin tuan-puan yang telah ditauliahkan mampu menjadi sebahagian daripada kumpulan sokongan yang dapat membantu meningkatkan kesedaran kepentingan mendapatkan bantuan awal dalam kalangan rakan sekerja dalam mendepani isu kesihatan mental dan emosi. Semoga Allah SWT membalas kebaikan tuan/puan dengan sebaik-baik balasan kerana melakukan tugas diluar bidang hakiki demi kesejahteraan bersama.

14. Harapan saya agar warga UiTM lebih bersikap minda terbuka bahawa isu kesihatan mental mampu menjadi bebanan perasaan yang perlu dibantu walaupun hakikatnya tidak dapat dilihat daripada mata kasar seperti penyakit fizikal lain.

15. Saya amat menghargai usaha murni ini dan sentiasa menyokong penuh inisiatif program pembangunan diri staf mahupun pelajar demi kesejahteraan warga UiTM seterusnya



meningkatkan produktiviti dan pencapaian warganya sejajar dengan peningkatan nilai i-DART dan ESI menuju GRU 2025.

16. Sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pusat Kerjaya dan Kaunseling atas inisiatif menerbitkan Buku Garis Panduan Pelaksanaan AKRAB UiTM Versi 1/2023. Semoga Allah memberkati dan merahmati setiap usaha dan komitmen tuan/puan.

17. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim* saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Perasmian Bulan Kaunseling Kebangsaan Peringkat Universiti Teknologi MARA 2023** dan Melancarkan Buku Garis Panduan Perlaksanaan Akrab UiTM 1.0

**Sekian.**

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wasalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**